



MULTI WARISAN UNIK



**A** DAT  
**D** AN **P** ANTANG  
**L** ARANG

PENYUSUN :

*Mohd Zahari Ishak*

*Zabri Zakaria*



PENERBIT PINANG SDN. BHD.

Penerbit Pinang Sdn. Bhd.  
No. 76, Jalan 2/133,  
Batu 6 1/2, Jalan Klang Lama,  
58000 Kuala Lumpur.  
Tel : 03 - 7788 5001  
Fax : 03 - 7788 5001

© Penerbit Pinang Sdn. Bhd.  
Cetakan Pertama 2000

Semua hak cipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran, ataupun sebaliknya tanpa izin yang bertulis terlebih dahulu daripada Penerbit Pinang Sdn. Bhd.

ISBN 983 - 055 - 339 - 6 (SIRI)  
983 - 055 - 330 - 2

M  
306  
ADA  
f

~~M~~  
992461

Dicetak oleh :  
Pencetakan dan Perniagaan Berlian Sdn. Bhd. (107320-V)  
No. 3, Jalan SR 3/6, Taman Serdang Raya,  
Seksyen 3, 43300 Seri Kembangan,  
Selangor Darul Ehsan.

19 APR 2000

Perpustakaan Negara  
Malaysia

## *KANDUNGAN*

**Bab 1 : Pantang Larang Makan**

**Bab 2 : Adat Perkahwinan Melayu**

**Bab 3 : Adat Melenggang Perut**

**Bab 4 : Adat Menyambut Kelahiran**

**Bab 5 : Adat Perkahwinan Cina**

**Bab 6 : Adat Kelahiran**

**Bab 7 : Adat Kematian**

**Bab 8 : Adat Perkahwinan India**

**Bab 9 : Adat Kelahiran**

**Bab 10 : Menindik Telinga**

**Glosari**

**Soalan**

# BAB

## 1

Pantang larang sewaktu makan mencerminkan sopan-santun orang Melayu



## *Pantang Larang Makan*

Sejak zaman dahulu, orang-orang Melayu sangat terkenal dengan adat dan pantang larangnya. Adat dan pantang larang ini bukan sahaja diamalkan pada majlis-majlis keramaian, sebaliknya sepanjang masa.

Setengah pihak menganggap

pantang larang ini terlalu menghadkan pergerakan orang Melayu. Namun tujuan sebenar pantang larang ialah untuk mengekalkan sopan-santun di samping membawa pengajaran tertentu kepada seseorang.

Antara adat dan pantang larang

ialah jangan makan mencangkung atau makan dengan menggunakan senduk yang dikaitkan dengan sukar mendapat rezeki. Ia bertujuan melatih seseorang makan dalam keadaan yang bersopan.

Begitu juga dengan amalan makan di dalam belanga dikatakan akan mendapat anak yang hodoh. Makan di dalam belanga juga bermakna orang terkemudian hanya makan sisanya. Ini amalan yang tidak elok.

Seseorang yang makan beras mentah dipercayai mudah mendapat penyakit kuning dan jika makan telur tembelang, seseorang akan mendapat penyakit barah.

Pantang larang ini bertujuan mengingatkan orang ramai mengenai kesihatan kerana beras mentah atau telur tembelang sememangnya benda yang kotor. Sebab itulah beras perlu dibasuh sebelum ditanak menjadi nasi.

Makan nasi sisa anak dipercayai anak akan bersikap degil dan makan dalam pinggan sumbing, bibir anak akan dikhuatiri sumbing. Sememangnya tidak patut anak memberikan sisa makanannya kepada ibu serta dapat mendidik anak agar makan sehingga habis. Makan dengan menggunakan pinggan sumbing berkemungkinan boleh mencederakan bibir atau tangan seseorang.

Mereka yang makan tidak basuh pinggan dipercayai akan lambat mendapat jodoh.

Mereka yang makan dengan pinggan bertindih dipercayai akan beristeri dua (berpoligami). Seseorang yang makan kepala ayam akan mengantuk ketika bersanding. Tidur selepas makan dipercayai menyebabkan perut akan mengalami perut buncit. Makan sambil berjalan bermakna seseorang akan mendapat penyakit perut.

Selain daripada pantang larang, terdapat adat dan tata tertib sewaktu makan. Adat serta tata tertib ini elok diamalkan oleh orang Melayu demi menjaga kesantunan.

Misalnya sewaktu berkunjung ke rumah orang, maka dianggap tidak manis sekiranya kita menolak pelawaan tuan rumah menjamah hidangan biarpun sebenarnya kita sudah kenyang. Kita seeloknya hendaklah menjamah walaupun sedikit sajian yang dihidangkan demi menjaga hati tuan rumah.

Sewaktu mengambil tempat, seeloknya didahulukan dengan orang yang lebih tua sebagai menghormati mereka. Anak gadis digalakkan menyendukkan makanan ke pinggan orang yang lebih tua. Orang muda dididik menghormati orang tua dengan membiarkan orang tua makan dahulu.

Orang Melayu yang mementingkan adab sopan, akan mengambil makanan terdekat dahulu supaya mereka tidak nampak gelojoh atau tamak. Makanan yang jauh bolehlah diambil kemudian dengan bantuan

orang lain. Setiap makanan yang diambil hendaklah menggunakan tangan kanan.

Semasa menghulur atau menyambut makanan, seeloknya siku atau pergelangan tangan ditampung dengan tangan sebelah kiri. Gunakan tangan kiri untuk menyenduk kuah semasa makan. Ia bagi memastikan sudu tidak kotor.

Dianggap tidak sopan atau gelojoh makan berbunyi seperti sewaktu mengunyah atau menghirup minuman. Sewaktu menghadap makanan pula dilarang bercakap agar situasi itu tidak mengganggu orang lain.

Dianggap kurang manis makan sekiranya sudu, piring, atau mangkuk berlaga. Dianggap kurang sopan menghembus hingus atau meludah ketika orang lain sedang makan.

Apabila selesai sahaja makan bukan bererti kamu harus terus bangun. Sebaliknya kamu digalakkan menunggu sehingga semua orang selesai makan.

Adat Melayu melarang makan sehingga terlalu kenyang. Adalah kurang sopan mengemaskan tempat duduk ketika orang lain sedang makan. Perbuatan begini seperti menyindir orang lain agar berhenti makan.

Adalah dilarang menziarahi rumah orang pada waktu senja. Ini mungkin mengganggu keluarga tersebut untuk menyediakan sajian.

Lagipun kebanyakan orang Melayu yang beragama Islam perlu menunaikan kewajipan mengerjakan sembahyang Maghrib. Apatah lagi, waktu Maghrib ialah waktu sembahyang yang paling singkat.



Malangnya meresapnya budaya barat menyebabkan sesetengah orang Melayu bersikap biadap sewaktu menghadap makanan. Misalnya mereka makan sambil bercakap, tidak menghormati orang tua, dan sebagainya.


Malah ada juga yang makan sambil berdiri atau berjalan. Ada yang makan dengan gelojoh biarpun di hadapan ibu bapa masing-masing.

Oleh itu, kamu digalakkan mengamalkan segala adab sopan sewaktu menghadap makanan. Makanlah dengan penuh tertib agar perlakuan kamu tidak menyinggung hati orang lain, terutamanya orang yang lebih tua.

## BAB

## 2

Merisik dan meminang adalah peringkat pertama sebelum pasangan dikahwinkan



### *Adat Perkahwinan Melayu*

Setiap kaum memiliki adat perkahwinan yang tersendiri. Adat perkahwinan orang-orang Melayu kelihatan sama pada dasarnya. Namun jika dihalusi, adat perkahwinan ini sebenarnya berbeza-beza mengikut adat negeri masing-masing.

Upacara perkahwinan dapat diba-

hagikan kepada tiga peringkat, iaitu merisik, meminang, serta menghantar belanja sebagai peringkat pertama. Peringkat kedua ialah akad nikah dan berinai. Peringkat ketiga ialah bersanding, berarak, serta menyambut menantu.

Sewaktu merisik pada peringkat



pertama, wakil pihak lelaki akan menziarahi rumah si gadis secara tidak formal. Mereka akan bertanya khabar sambil menyiasat latar belakang pasangan.

Sewaktu kunjungan ini, pihak lelaki akan menyampaikan hajat secara halus. Tiada sebarang perjanjian dan mana-mana pihak boleh berundur atau menolak jika tidak berkenan.

Setelah kedua-dua pihak bersetuju dengan risikan awal, masing-masing akan bersiap untuk melakukan peminangan secara rasmi. Saudara-mara di pihak masing-masing dibawa berunding. Rundingan pun dijalankan sehinggalah pihak perempuan mendapat persetujuan mengenai perkara berikut:

- a) Hari dan waktu meminang rasmi.
- b) Mas kahwin dan hantaran serta jumlah belanja hangus.
- c) Hari dan waktu perkahwinan (hari berlangsung atau akad nikah)
- d) Syarat-syarat lain sekiranya mana-mana pihak menarik diri atau membatalkan rancangan perkahwinan.
- e) Jumlah rombongan bagi pihak lelaki dan jumlah dulang selain tepak sirih pada hari meminang.
- f) Sama ada sebahagian belanja hangus dikehendaki atau tidak pada waktu meminang.

Sesudah persetujuan dicapai, wakil akan memberitahu kepada ibu bapa si teruna. Dalam tempoh sehingga hari pertunangan, kedua-dua belah pihak

akan menyediakan barang-barang yang diperlukan.

Menurut adat, pihak lelaki akan menghantar beberapa barang untuk si gadis pada hari pertunangan. Antaranya ialah cincin tanda, tepak sirih, sepasang pakaian, kain tudung, beg tangan, kasut, dan buah-buahan serta kuih-muih.

Jumlah dulang lelaki dan balasan daripada pihak perempuan mestilah dalam bilangan ganjil. Majlis pertunangan akan diserikan dengan berbalas pantun. Pada saat ini, jari si gadis akan disarungkan cincin oleh kakak atau emak saudara si lelaki.

Sewaktu majlis pertunangan, ada juga upacara berbalas-balas pantun daripada kedua-dua belah pihak untuk memeriahkan suasana. Misalnya pantun yang berbunyi;

*Bunga melur bunga berseri,*

*Bila dipetik hati nyaman,*

*Kami menghadap puak bistari,*

*Untuk memetik kuntum di taman.*

Seterusnya upacara akad nikah pun dilangsungkan. Imam akan mengingati pihak lelaki mengenai hal keagamaan dan tanggungjawab.

Ini termasuklah mengucap dua kalimah syahadat, menuturkan rukun Islam, dan rukun Iman. Selepas akad, pengantin lelaki akan menyalin pakaian untuk berinai besar. Jika diakad pada waktu malam berinai besar, maka

hantaran adalah sama seperti sewaktu bertunang.

Kesemua hantaran didahului dengan tepak sirih atau sirih junjung.

Majlis berinai akan diadakan secara berperingkat-peringkat. Ia dimulakan dengan majlis berinai curi, diikuti berinai kecil, dan berinai besar.


Berinai curi diadakan pada tiga malam sebelum hari langsung untuk saudara-mara terdekat sahaja. Berinai kecil diadakan dua malam sebelum hari langsung khusus untuk saudara-mara, jiran tetangga, dan sahabat handai.

Majlis berinai besar diadakan satu malam sebelum hari langsung untuk para jemputan khas daripada pihak lelaki dan perempuan. Biasanya ia dilakukan selepas upacara akad nikah.

Majlis berinai diadakan dengan tujuan untuk kebersihan dan kesucian kedua-dua pengantin. Ini disebabkan inai dianggap 'berkat', iaitu suatu cara penyucian dan perlindungan. Kedua-dua bakal pengantin dianggap wangi dan berdarah manis.

Hari bersanding merupakan upacara kemuncak dalam istiadat perkahwinan. Raja sehari ini akan diandamkan. Pada sebelah pagi sebelum bersanding, pengantin perempuan akan bersalin-salin pakaian di atas pelamin.

Semasa hari langsung, kenduri akan dibuat secara bergotong-royong dengan orang setempat. Masing-masing akan memberi sumbangan tenaga dan barangan mengikut yang termampu.



Majlis bersanding diberkati dengan bacaan doa selamat, jamuan, dan para tetamu diberi bunga telur. Semasa bersanding, pengantin lelaki duduk di sebelah kanan dan pengantin perempuan di sebelah kiri. Sebelum duduk bersama di atas pelamin, pengantin lelaki tiba dengan diiringi pengapit, bunga manggar, paluan kompang, rebana, serta hadrah.

Di pekarangan rumah, pengantin perempuan menyambut diiringi mak andam. Sebelum turun menyambut, pengantin perempuan perlulah mengirim sirih lat lat atau sirih genggam, tanda sedia menunggu. Sirih ini nanti akan digenggam sehingga acara suap-suapan. Dengan beriringan, mereka didudukkan di halaman untuk menyaksikan acara pencak silat.

Pada ketika ini, kedua-dua wakil pihak pengantin akan membisikkan peraturan sewaktu bersanding. Pasangan akan naik dan disandingkan. Selepas bersanding, mempelai dan tetamu khas dijemput makan damai (makan beradab).



## *Adat Melenggang Perut*

Kebanyakan pasangan suami isteri menginginkan anak sebagai penyambung zuriat atau keturunan. Anak juga menjadi pengikat kasih antara mereka berdua.

Sebab itulah bagi masyarakat Melayu, terdapat berbagai-bagai adat yang diamalkan untuk wanita yang mengandung. Adat-adat ini dibuat demi

menjaga keselamatan anak di dalam kandungan.

Salah satu adat yang penting ialah adat melenggang perut.

Adat ini semakin pupus ditelan zaman. Ia dilakukan pada ibu mengandung tujuh bulan dan biasanya menunggu kelahiran anak sulung. Upacara

ini biasanya berlangsung sebelum waktu Zohor.

Dalam adat melenggang perut, kelapa yang dikupas licin digolekkan di atas perut si ibu dari kanan ke kiri. Selepas melenggang perut, air buyung akan dititiskan dengan limau nipis, bertih, dan tujuh jenis bunga yang harum. Ia dinamakan mandi bunga, yang dipercayai dapat menguatkan fizikal dan semangat ibu yang mengandung.

Sefelah menyalin pakaian, ibu tersebut diminta berlunjur (kaki dirapatkan). Bidan akan menjampi mayang pinang dan dipukul di tapak tangan kirinya hingga kelopaknya pecah. Tepuk mayang ini dikatakan dapat memudahkan ibu bersalin dan menghalau kuasa jahat.

Upacara seterusnya ialah membelah kelapa. Air serta isinya diberi minum kepada si ibu tadi. Kelapa tua pula dibuat minyak untuk mengurut.

Pelepas adalah adat untuk menjauhkan penunggu dan memulih semangat bakal si ibu. Ia dijalankan dengan membuat simpulan dari daun kelapa. Kemenyan dibakar. Sirih dan benang dibiarkan di dalam piring.

Apabila upacara pelepas selesai, tuan rumah akan mengadakan sedikit jamuan kepada para tetamu yang hadir. Upacara ini dinamakan Jamuan Kesejahteraan. Biasanya hidangan terdiri daripada pulut kuning atau jamuan nasi. Apabila jamuan selesai, maka upacara

melenggang perut turut berakhir.

Ibu-ibu mengandung bukan sahaja perlu mengamalkan upacara berlenggang perut. Mereka juga perlu mematuhi pantang larang demi memastikan keselamatan anak di dalam kandungan.

Antara pantang larang itu ialah:

1. Si ibu dilarang makan sotong kerana dipercayai boleh menyebabkan anak terjerut tali pusatnya dan ibu sukar bersalin.
2. Si ibu dilarang minum air tebu, air kelapa, serta makan nanas, betik muda, dan rebung yang boleh menyebabkan keguguran.
3. Si ibu ditegah bergaul dengan mereka yang rendah maruah kerana dikatakan akan mempengaruhi kelakuan anak.
4. Si ibu dilarang memaku, memahat, menggali, membelah kayu, menyembelih binatang, melihat gerhana sama ada gerhana bulan atau matahari, menziarahi atau menyentuh mayat yang akan menyebabkan anak lahir dalam keadaan cacat.
5. Dilarang anak-anak melangkah perut si ibu, yang boleh menyebabkan anak lahir dalam keadaan cacat atau tidak cukup bulan.
6. Si ibu dilarang keluar rumah pada waktu senja yang dipercayai akan diusik makhluk halus. Duduk di atas tangga pula boleh membawa kecelakaan semasa bersalin.
7. Si ibu ditegah menanam pokok pisang

dan tidur pada tengah hari, dipercayai menyebabkan anak lahir berkepala besar.

8. Si ibu ditegah lalu di bawah pokok cermai yang boleh menyebabkan turun darah.

9. Jika apa yang diidamkan oleh si ibu tidak dipenuhi, anak yang lahir akan meleleh air liurnya. Mengidam durian boleh menyebabkan anak bisul setiap musim durian.

10. Si ibu dilarang menyusun tempurung, dikhuatiri anak lahir dengan kepala botak dan sewaktu mengandung dilarang memikul batu dikhuatiri anak akan menjadi lumpuh.

11. Suami kepada ibu yang mengandung juga perlu mematuhi pantang larang. Suami tidak dibenarkan meniup

seruling atau bunyi-bunyian kerana dikhuatiri anak akan lahir sentiasa menangis.


13. Seperti isteri, suami dilarang berburu kerana dikhuatiri anak yang lahir akan cacat anggotanya.

14. Suami dilarang pulang malam atau ke luar negeri.

15. Suami tidak dibenarkan memukul dan membunuh binatang agar anak tidak cacat atau kenan binatang tersebut.

Semasa mengandung, ibu tidak digalakkan memakan makanan sejuk seperti sayur-sayuran dan sesetengah buah, teh, dan herba Cina.

Makanan dalam kategori ini dipercayai boleh melemahkan kandungan, serta menyebabkan keguguran. Makanan ini juga dipercayai punca




kebas kaki dan tangan, pening, sakit urat saraf, sesak nafas, sakit sendi, dan kejang otot.

Makanan panas, jika diambil terlalu berlebihan boleh menyebabkan anak lahir dalam keadaan kerdil dan sukar bersalin. Antara makanan panas seperti daging lembu dan buah seperti durian.

Pantang larang ini wajar dipatuhi oleh si ibu demi menjamin keselamatan dan kesihatan anak yang bakal dilahirkan.

Walaupun begitu, adalah sukar untuk dipastikan akan kebenaran setiap pantang larang serta kaitannya dengan anak di dalam kandungan.



Bayi lelaki sunat  
diazankan sebaik  
sahaja dilahirkan

## *Adat Menyambut Kelahiran*

Kelahiran anak adalah sesuatu yang ditunggu-tunggu oleh pasangan suami isteri. Anak adalah penyambung zuriat.

Masyarakat Melayu beragama Islam menyambut kelahiran anak dengan melakukan beberapa perkara sunat yang disyariatkan ajaran Islam.

Menurut amalan Islam, bayi lelaki yang baru dilahirkan adalah sunat diazan dan bayi perempuan diaqamatkan selepas dipotong tali pusat dan dibersihkan.

Ia bertujuan mendengarkan bayi dengan nama Allah sebelum bayi mendengar sesuatu yang lain dan



sebagai cara menghalau gangguan syaitan. Setelah diazan atau diqamatkan, dibacakan surah al-Quran pada telinga kanan bayi tersebut.

Selain diazan atau diqamatkan, bayi dituntut dilakukan "tahnik" atau buka mulut dengan kurma atau sebarang manisan seperti madu lebah dengan digosokkan ke dalam mulut bayi. Amalan ini dilakukan sebelum bayi diberikan susu.

Semasa bersalin, uri akan keluar bersama-sama bayi. Uri ini dibersihkan dan ditanam. Dipercayai uri tidak boleh ditanam tepat pukul dua belas tengah hari kerana dikhuatiri anak akan keras hati dan degil. Uri ditanam bersama asam, garam, jarum, buku, dan pensel. Ia dipercayai mempengaruhi anak agar rajin dan pintar.

Uri tidak boleh ditanam terlalu dalam kerana dipercayai anak akan lambat bercakap. Uri ditanam di pintu jalan atau tepi jalan.

Sewaktu menanam, uri tidak boleh dilindungi bayang kerana dikhuatiri hati anak gelap dan susah belajar. Selepas selesai, orang yang menanam tidak dibenarkan menoleh ke belakang kerana ditakuti anak akan juling.

Anak disunatkan diberi nama yang membawa maksud yang baik.

Kebanyakan orang Islam akan merujuk senarai nama yang membawa pengertian baik daripada kitab-kitab. Nama-nama buruk atau yang mem-

bawa pengertian yang tidak baik haruslah dielakkan kerana ia boleh memalukan si anak apabila dewasa nanti. Nama yang menyerupai nama orang bukan Islam juga haruslah dihindarkan.

Upacara mencukur rambut biasanya dijalankan pada hari ketujuh selepas kelahiran. Disunatkan juga bersedekah emas atau perak seberat rambut yang dipotong atau dicukur.

Dari segi kesihatan, bercukur boleh menguatkan selaput kulit kepala di samping memberikan ketajaman penglihatan, pandangan, dan deria bau. Rambut yang dipotong elok dimasukkan ke dalam air zam-zam. Biasanya upacara mencukur rambut dilakukan pada hari Jumaat dan diakhiri dengan kenduri doa selamat.

Menyembelih binatang ternakan seperti kambing dan lembu disunatkan kepada orang Islam yang mampu sebagai akikah bagi anak yang baru dilahirkan. Seorang anak disunatkan berakikah sekali sahaja seumur hidup.

Syarat-syarat akikah seperti berikut:

- a) 2 ekor kambing atau kibas bagi seorang bayi lelaki.
- b) 1 ekor kambing atau kibas bagi seorang bayi perempuan.
- c) 1 ekor lembu atau unta dibahagi tujuh bahagian.
- d) Kambing atau biri-biri berumur dua tahun lebih umurnya.

e) Lembu atau kerbau berumur dua tahun masuk tiga tahun.

f) Haiwan yang dipilih tidak cacat.

Disunatkan disedekah daging yang sudah dimasak atau dibuat kenduri. Tulang haiwan tersebut dipotong mengikut sendi dan tidak boleh pecah. Tulang tersebut perlu ditanam di satu tempat.

Akikah mempunyai beberapa hikmah tersendiri. Antaranya akikah sebagai pengisytiharan kepada orang ramai betapa Allah telah mengurniakan hikmah yakni anak kepada hamba-Nya. Ia juga sebagai tanda kesyukuran dan permulaan kebajikan bagi pihak bayi itu.

Adat naik buai dilakukan selepas upacara mencukur dan ada yang melakukannya semasa upacara tamat

pantang si ibu (yakni selama 44 hari).

Buai dibuat daripada kain sarung dan dihias. Dibacakan juga doa selamat sewaktu bayi dibuaiikan. Majlis diserikan dengan marhaban oleh kaum wanita dan ditamatkan dengan jamuan pulut kuning atau bubur kacang. Para hadirin juga diberikan bunga telur.

Dalam upacara tamat pantang (44 hari), satu kenduri doa selamat diadakan. Upacara ini menandakan berakhirnya pantang kepada si ibu. Biasanya upacara ini dibuat kepada ibu yang beranak sulung.


Bagi yang berpegang kuat kepada adat, dia akan meraikan anak yang baru boleh berjalan dengan adat memijak tanah. Biasanya upacara ini dibuat pada atau selepas Hari Raya, hari pertunangan atau perkahwinan.



Bayi diampu dan telapak kakinya dicecahkan pada ketul tanah dan alatan di dalam dulang seperti kacic, pisau, dan duit syiling. Upacara didahului dengan selawat dan menepung tawar. Ia dilakukan secara bergilir-gilir mengikut tali persaudaraan. Kalangan istana begitu memuliakan upacara ini serta dilakukan secara besar-besaran.

Hari ini, masih ramai yang mengamalkan adat-adat kelahiran ini terutamanya yang berkaitan dengan ajaran Islam. Ia dilakukan dengan harapan anak yang lahir akan terdidik dengan sifat-sifat yang baik serta bersesuaian dengan kehendak agama.

Setiap perkahwinan orang Cina perlu didaftarkan



## *Adat Perkahwinan Cina*

Perkahwinan orang Cina perlu didaftarkan. Selain itu, tidak sah menurut pandangan orang Cina perkahwinan tanpa mengikut adat. Biasanya orang Cina yang lewat berkahwin disebabkan terpaksa mengumpulkan wang yang banyak untuk persiapan kenduri.

Kenduri menggambarkan status.

Upacara ini dibuat secara besar-besaran untuk memberi 'muka' kepada ibu bapa kedua-dua belah pihak. Mereka percaya perkahwinan terutamanya anak sulung perlu dibuat sebaik mungkin agar tidak memalukan martabat keluarga.

Adat perkahwinan dimulai dengan adat merisik. Adat merisik sering

dilakukan untuk mengetahui latar belakang pihak gadis. Orang Cina mementingkan nama, maruah, dan keturunan selain peribadi, perwatakan, dan tingkah laku.

Cara merisik terpulanglah kepada ibu bapa pihak lelaki. Lazimnya, ibu bapa merisik melalui kenalan dan sahabat keluarga si gadis. Setelah mengenali, mereka akan mengunjungi rumah gadis tersebut untuk perbincangan secara tidak formal tanpa kehadiran anak mereka.

Selepas kedua-dua pihak berpuas hati dengan latar belakang masing-masing, ibu bapa lelaki akan menghantar wakil masuk meminang. Wakil yang diutus mestilah perempuan.

Perbincangan akan menjurus pada tarikh dan masa, mas kahwin, peruntukan meja dalam jamuan, dan hari langsung. Wakil lelaki diminta datang untuk kali kedua. Untuk mengelakkan malu, tempoh yang secukupnya diberi jika menghadapi sebarang kemungkinan seperti penangguhan atau pembatalan.

Selepas itu, pihak lelaki datang kali kedua untuk mendapatkan jawapan. Dengan mengetahui tarikh lahir dan nama 'bunga' bakal isterinya, maka hari yang sesuai dipilih mengikut penilikan kalendar Cina.

Pada hari pertunangan, pihak lelaki dan perempuan akan bertukar cincin. Tempoh pertunangan ter-

pulang kepada pasangan berkenaan. Mereka yang telah bertunang di-benarkan tinggal dan tidur bersama. Kesemua ini bergantung pada kesediaan ibu bapa.

Bagi orang Cina, pertunangan bermakna sudah menjadi hak milik. Namun bagi orang Cina, pertunangan kurang diamalkan kerana tidak menjamin pasangan ke jinjang pelamin. Oleh itu, ia akan diteruskan dengan perkahwinan.

Pada zaman dahulu, mas kahwin diberi dalam bentuk dua helai kulit rusa dan kain sutera. Kini ia berubah pada cincin, persalinan, atau pemberian wang tunai. Wang ini akan digunakan untuk membeli emas, perhiasan, alat solek, dan kelengkapan lain.

Mas kahwin berfungsi sebagai bayaran titik peluh keluarga membesarkan pengantin perempuan. Mas kahwin mencerminkan status pihak lelaki. Mas kahwin mesti setimpal dengan taraf kedudukan pengantin perempuan seperti yang ditetapkan oleh ibu bapanya.

Upacara perkahwinan dimulakan pada sebelah malam, biasanya pada hari Ahad. Sehari sebelum itu, pengantin perempuan akan mengadakan jamuan meraikan saudara-mara dan memperkenalkan bakal suaminya.

Pada hari perkahwinan, pengantin lelaki ke rumah perempuan dan memberikan angpau kepada anak buah

pengantin perempuan yang membuka pintu kereta. Kemudian pemujaan nenek moyang dibantu oleh orang yang dikenali 'Sam Poh'.

Selepas acara tunduk tiga kali pada papan nenek moyang, pasangan akan mempersembahkan teh kepada ibu bapa perempuan dan dibalas dengan angpau. Teh kemudian diberi kepada keluarga yang lain dan saudara terdekat. Ia sebagai tanda penghormatan dan terima kasih.

Sementara di rumah pengantin lelaki, sambutan menanti diadakan. Perjalanan pengantin mesti dalam kedudukan tidak bertentangan. Laluan lain perlu dicari sekiranya ada kematian agar kereta pengantin tidak bertembung dengan kereta mayat atau keranda.

Malapetaka dan nasib sial akan berpanjangan jika pantang larang itu tidak dipatuhi. Pasangan pengantin juga dilarang melihat atau turut serta dalam upacara kematian.

Adat dahulu mensyaratkan tempoh setahun perkahwinan perlu ditangguhkan sekiranya berlaku kematian dalam keluarga. Tetapi kini tinggal seratus hari sahaja yang perlu ditangguhkan.

Di rumah pengantin lelaki, pasangan akan menjamu teh kepada nenek moyang untuk memperolehi restu dan rahmat. Ini diikuti kepada ibu bapa serta saudara mara yang lain.

Bilik pengantin dilengkapi peralatan seperti tempat membuang najis, kolah air, dan sebagainya. Ia bertujuan agar pasangan cepat memperolehi

Upacara perkahwinan melambangkan status bagi masyarakat Cina



cahaya mata.

Kemuncak hari perkahwinan adalah jamuan makan malam di mana jemputan memberi angpau. Antara sajian popular ialah ikan, udang, daging babi, dan pau. Arak adalah wajib. Pasangan akan berjalan ke meja-meja dan minum bersama tetamu. Ia dikenali sebagai *Yam Sing*.

Upacara perkahwinan berakhir dengan menandatangani daftar perkahwinan.

Di dalam perkahwinan orang-orang Cina, terdapat beberapa pantang larang yang perlu dipatuhi. Antaranya orang Cina melarang perkahwinan pasangan yang mempunyai pangkal nama yang sama. Orang Cina percaya perkahwinan dengan sepupu dekat akan melahirkan anak cacat.



## *Adat Kelahiran*

Masyarakat Cina memiliki cara pengiraan umur yang berbeza berbanding kaum-kaum lain. Bagi masyarakat Cina, bayi yang lahir daripada perut si ibu dikira berumur setahun. Cara pengiraan ini berdasarkan benih bayi sewaktu masih berada di dalam kandungan lagi.

Kawalan yang ketat sentiasa diberikan kepada ibu-ibu Cina yang

mengandung. Misalnya mereka dilarang melakukan kerja-kerja seperti memaku kerana dikhuatiri bayi yang lahir mengalami kecacatan.

Si ibu dilarang mengeluarkan kata-kata yang kesat. Mereka dilarang mendera atau memukul binatang. Ini dapat menghindar bayi daripada terkena badi.



Orang Cina memandang rendah pada wanita yang melahirkan bayi abnormal. Ia mencerminkan tingkah laku yang buruk semasa mengandung. Malah ibu-ibu yang melahirkan bayi cacat akan ditertawakan sehingga mereka berasa rendah diri.

Keadaan yang lebih buruk berlaku pada zaman dahulu. Bayi-bayi yang cacat dibunuh demi mengelakkan rasa malu. Malah ibu yang malang akan dihina serta dipulaukan oleh mentuannya.

Sistem keluarga dalam masyarakat Cina amat mementingkan kelahiran anak lelaki. Zuriat lelaki akan melanjutkan keturunan keluarga kerana anak lelaki mewarisi nama nenek moyang. Dalam sistem keluarga Cina, tempat tinggal mengikut sebelah lelaki. Selepas berkahwin, anak perempuan akan menjadi hak milik keluarga suaminya.

Ibu-ibu yang mengandung digalakkan bekerja. Ini dapat membantu si ibu melahirkan anak dengan mudah. Si ibu digalakkan memakan makanan yang berkhasiat seperti pati ayam, sup daging, dan air akar kayu. Semua ini dapat menguatkan badan, melancarkan peredaran darah, serta menjadikan kelahiran lebih mudah.

Wanita mengandung dilarang berkaki ayam kerana dikhuatiri menimbulkan angin pada badan. Wanita mengandung akan dijaga oleh ibu mentua dan bukan suaminya.

Orang Cina percaya bahawa bentuk perut ibu mengandung dapat menentukan jantina anak yang bakal dilahirkan. Keadaan ini berlaku sewaktu kandungan berusia empat bulan ke atas.

Jika perut yang membusung itu kelihatan tajam, maka bayi yang bakal lahir kemungkinan bayi lelaki. Jikalau perut membulat, jantina bayi itu berkemungkinan perempuan. Jika kandungan nampak besar, adalah dipercayai wanita itu mengandung anak kembar atau bayi yang bertubuh besar.

Wanita Cina yang mengandung terdedah pada pantang larang yang wajar dipatuhi. Antaranya mereka tidak dibenarkan memberi nama kepada anak sebelum dilahirkan. Si ibu dilarang terlalu kerap menggosok perut untuk mengelak bayi memiliki sifat yang terlalu manja.

Wanita mengandung dilarang memakan nanas, mangga, dan buah-buahan yang 'tajam'. Nanas misalnya dipercayai dapat membawa keguguran. Makan ketam pula akan menyebabkan si anak bersifat nakal.

Amalan pantang larang tetap diteruskan selepas kelahiran bayi. Si ibu ditegah memuji bayi yang baru dilahirkan seperti cantik, comel, dan sebagainya. Ini dapat mengelak bayi diganggu syaitan dan hantu. Sebaliknya bayi perlu disebut dengan kata-kata yang kurang enak seperti hodoh, buruk, dan sebagainya.

Ibu-ibu digalakkan menggosok kepala bayi untuk memperolehi bentuk kepala yang cantik. Bayi yang baru lahir akan selalu diperhatikan bentuk fizikalnya. Misalnya bayi yang memiliki telinga yang lebar dan tebal dikatakan bakal menjalani kehidupan sebagai orang kaya. Ibu bapa yang mendapat anak begini dikatakan bertuah.

Sama seperti dalam masyarakat Melayu, ibu-ibu Cina juga perlu mengamalkan pantang. Mereka terpaksa berpantang selama empat puluh hari. Mereka tidak dibenarkan makan benda-benda sejuk.

Apabila bayi mencapai umur sebulan, kenduri akan diadakan. Kuih khas berbentuk bulat dan berwarna merah dan kuning berinti kacang diberikan

kepada saudara-mara terdekat. Fungsi kenduri ini ialah merayakan kelahiran 'orang baru'.

Dalam adat orang Cina juga ada upacara mencukur rambut bayi. Sehari selepas kelahiran sebulan bayi, rambut bayi akan dicukur. Bayi yang masih menyusu dipercayai memiliki semangat yang lemah.

Orang Cina bimbang anasir yang tidak baik seperti semangat, roh, dan hantu jahat akan mengganggu bayi. Oleh itu, bayi-bayi akan dipakaikan dengan rantai kuku harimau atau kuku beruang sebagai pelindung dan penguat semangat.

Nama bayi yang dipilih oleh ibu bapanya dipercayai menentukan nasib anaknya nanti. Jadi bayi yang dilahirkan



perlu diberi nama yang sesuai. Nama yang dipilih haruslah mengandung maksud yang baik seperti melambangkan kekayaan, kemewahan, kebaghajian, mahupun kesejahteraan. Nama juga harus sedap didengar serta sepadan supaya tidak memberi malu kepada si anak apabila dewasa nanti.

Nama orang Cina harus mempunyai lima unsur yang penting iaitu emas, air, api, tanah, dan kayu serta saling melengkapi.

Pada masa dahulu, ibu bapa Cina sukakan anak yang ramai. Mereka mahu anak yang ramai demi memeriahkan keluarga, membantu kerja-kerja rumah, dan bertani.

Kini kebanyakan keluarga Cina mempunyai anak yang sedikit. Salah satu faktor ialah ibu bapa dalam keluarga Cina suka bekerja sehingga tidak mempunyai banyak masa untuk anak-anak mereka.



## *Adat Kematian*

Cara pengebumian yang tidak betul menurut adat Cina boleh mendatangkan kecelakaan kepada keluarga si mati. Cara dan adat dipengaruhi oleh status dan bagaimana cara kematiannya.

Bagi golongan muda dan masih bujang yang meninggal, mayat tidak dibawa ke rumah kerana menjadi adat

ibu bapa tidak boleh menyembah anak-anak. Kerana itulah mayat tersebut hanya diletakkan di rumah mayat. Upacara dijalankan oleh orang yang lebih muda seperti anak buah, sepupu, atau adik si mati.

Bagi orang Cina, adalah menyalahi peraturan kiranya orang tua menghormati yang muda. Jadi mayat bayi

hanya dikebumikan secara senyap dengan diletakkan di dalam keranda atau long.

Pengebumian orang tua dilakukan secara besar-besaran. Bagi orang Cina, apabila orang tua mereka sedang nazak, ahli keluarga akan mula menempah keranda. Penjual long atau keranda akan memberikan perkhidmatan mengurus mayat. Bomoh sami atau pawang diupah untuk melakukan upacara sembahyang.

Mayat dimandikan dengan cara dilap dengan tuala dan dipakaikan pakaian cantik serta dimekapkan. Pada zaman dahulu, mayat dimandikan dengan air azimat dari perigi yang dipercayai berpenunggu.

Di China, mayat ditidurkan di atas rimbunan rumput di ladang. Adat mewajibkan mayat dipakaikan pakaian yang lengkap, kaki dipakaikan stokin dan kasut. Baju mayat tidak boleh berwarna merah kerana dipercayai akan menyebabkan mayat menjadi hantu. Pakaian lain si mati perlu dibakar dan tidak boleh digunakan lagi.

Jika kematian berlaku di dalam rumah, maka keranda akan diletakkan di dalam rumah. Jika kematian berlaku di luar rumah, maka keranda diletakkan di luar rumah.

Apabila berlaku kematian, dewa-dewa di dalam rumah ditutupi kertas merah. Sebarang cermin perlu disimpan kerana dikhuatiri cermin terkena pada

keranda dan memantulkan imej yang membawa pada berlakunya kematian ahli keluarga lain pula.

Menangis, meraung, dan meratapi kematian adalah kewajipan sanak saudara dan menantu. Ia bererti kesetiaan, kasih sayang, dan penghormatan. Dengan berpakaian khas, ahli keluarga akan berkumpul di sekeliling keranda mengikut tertib kedudukan.

Cara berpakaian juga berbeza. Anak dan menantu perempuan mestilah berpakaian hitam, pakaian cucu berwarna biru, pakaian putih oleh menantu lelaki yang dianggap orang luar, dan cicit memakai pakaian berwarna hijau muda. Penyusunan warna menunjukkan status kesedihan seseorang. Pada baju anak dan menantu perempuan diletakkan sejenis pakaian jerami di atas keranda dan ditudung dengan kain.

Pada bahagian kaki keranda dinyalakan colok dan lilin. Sebagai tanda kematian, kain putih direntang di pintu rumah. Gendang besar diletakkan di kiri pintu jika si mati lelaki dan diletakkan di sebelah kanan bagi kematian perempuan.

Pada masa yang sama, kertas-kertas sembahyang dibakar terus-menerus untuk si mati. Para tetamu yang datang diminta membakar colok dan tunduk hormat ke arah keluarganya. Peti derma turut disediakan.

Derma ini bertujuan mengu-

rangkan bebanan menguruskan mayat oleh keluarga si mati. Tetamu dijamu dan diberikan gula-gula yang diikat dengan benang merah atau diberi benang sahaja.

Mayat perlu dijaga dua puluh empat jam. Jadi mereka yang berjaga akan berjudi di luar rumah. Tujuannya untuk mengurangkan kesedihan sambil memujuk persaudaraan. Semakin kaya seseorang, maka semakin lama mayat diletakkan di rumah. Kepingan ais diletakkan di bawah keranda bagi mengelakkan mayat berbau busuk.

Selama mayat diletakkan di dalam rumah, bomoh atau sami diupah membacakan ayat daripada Kitab Tao dan Buddha. Ia bertujuan memimpin roh mengharungi rintangan dalam perbicaraan terhadap dosa-dosa si mati.

Ia biasanya dijalankan pada sebelah malam dengan diiringi bunyi-bunyian.

Sehari sebelum dikebumikan, bunyi-bunyian dimainkan dengan kuat iaitu dengan memukul gendang. Makanan seperti babi panggang dan teh dipersembahkan kepada si mati. Wang kertas akhirat dan kertas sembahyang berwarna kuning, biru, dan merah dibakar. Ia dipercayai untuk kegunaan di akhirat. Di dalam keranda juga diletakkan wang kertas dan kertas sembahyang bersama-sama mayat. \*

Semasa upacara sembahyang, keranda tidak boleh ditutup rapat. Kedudukan keranda lurus di mana kepala si mati menghadap ke dalam rumah. Semasa long hendak ditutup dan dipaku, maka ahli keluarga dan sanak saudara akan meraung sekuat hati

Menangis dan meraung  
suatu kewajipan  
sebagai tanda  
kesedihan



kerana penutupan keranda melambangkan pemisahan si mati dengan orang yang hidup.

Kertas azimat putih dan kuning ditampalkan pada long dipercayai menghindari mayat diresapi oleh roh jahat. Sewaktu long hendak ditutup, semua akan berpaling ke lain agar tidak menjadi bodoh atau ditimpa mala-petaka.

Mayat di dalam keranda dibawa perlahan-lahan dengan anak sulung memegang kereta mayat. Perarakan ini didahului dengan pancaragam dan bunyi-bunyian, ia bertujuan memuliakan si mati.

Sekiranya semasa keranda diusung dilanda hujan dan ribut, maka keranda harus ditutup dengan tikar dan lalang. Orang Cina percaya tidak baik mayat terdedah pada matahari, maka keranda perlu dipayungi.

Adat ikat janji perkahwinan



## *Adat Perkahwinan India*

Perkahwinan hanya sekali dan cerai tidak wujud dalam ajaran Hindu. Perkahwinan bererti penyatuan bersifat ketuhanan. Pasangan dikira sepadan jika lelaki lebih tua. Mereka percaya jodoh kurniaan Tuhan dan telah ditentukan di syurga.

Orang India percaya manusia sempurna perlu mencapai enam belas anugerah termasuk anak. Ini bererti perkahwinan adalah perlu dan tanpa pasangan (setelah berkahwin) tidak dibenarkan turut serta dalam upacara keagamaan.



Sri Rama dan Sita Dewi dianggap pasangan paling ideal dalam agama Hindu. Semua pasangan India yang berkahwin hendaklah mencontohi kasih sayang yang ditunjukkan oleh Sri Rama dan Sita Dewi demi menjamin kebahagiaan berumah tangga.

Upacara perkahwinan dimulakan dengan merisik. Semasa merisik, orang India begitu menekankan soal kasta, agama, status ekonomi-sosial, umur, dan pendidikan. Maklumat itu dirisik melalui saudara-mara atau orang tengah.

Jika sesuai, wakil pihak lelaki akan datang melihat gadis tersebut setelah ditentukan masa dan harinya. Bilangan wakil yang datang adalah ganjil termasuklah bakal pengantin lelaki.

Kelapa, sirih, pinang, cendana, bunga, buah, dan serbuk kumkum dibawa sebagai tanda hajat. Gadis yang dipilih akan membawa hidangan untuk memberi peluang semua melihat secara dekat. Setelah ada persetujuan, pihak perempuan pula akan ke rumah lelaki. Lelaki dan gadis tidak akan menjamu selera di rumah pasangan sehingga ada ikatan janji.

Tilikan masa hadapan pasangan turut dibuat. Antara aspek yang ditekankan ialah aspek bintang untuk mengetahui kesesuaian dari segi umur dan kesihatan. Tilikan kedua pula dinilai menurut 27 bintang menurut kiraan almanak Hindu.

Ia menentukan sifat dan emosi. Pasangan dikira secocok sekiranya *kanam* (bintang) mereka sama. Tilikan juga menilai keadaan kesuburan atau mandul, panjang pendek jodoh, dan kekayaan serta fizikal.

Setelah pasangan tersebut dirasakan sesuai, maka upacara ikat janji pun dibuat. Bakal pengantin dengan bilangan ganjil para wakilnya akan bertandang ke rumah perempuan dengan membawa buah tangan.

Sewaktu kunjungan pertama, pengisytiharan janji dibuat di mana sirih pinang ditukar dengan saksi perantara. Perbincangan mengenai majlis perkahwinan dibuat dan diakhiri dengan jamuan.

Upacara *parisam* atau adat pemberian hadiah akan dilakukan pada hari yang sesuai setelah mendapat persetujuan kedua-dua belah pihak pengantin. Pengantin lelaki akan membawa hadiah yang diatur dalam dulang dengan bilangan yang ganjil. Hadiah akan diarak dengan diketuai oleh pengantin lelaki yang lengkap berpakaian tradisional.

Hadiah-hadiah yang dibawa berupa sari perkahwinan, barang kemas, barang-barang perhiasan, buah, gula batu, sirih pinang, dan sebagainya.

Rombongan lelaki disambut oleh pengantin perempuan di muka pintu. Dulang yang dibawa diserahkan kepada bapa pengantin perempuan.

Perbincangan bermula dengan menulis jemputan yang disapu kunyit sebagai tanda restu Tuhan. Pasangan bertukar kalungan bunga, cincin, dan bertukar jemputan. Kad yang dicetak disapu kunyit dan dibawa ke kuil untuk bersembahyang.

*Thaali*, simbol perkahwinan akan digantung pada segumpal benang putih yang disapu kunyit. *Thaali* dibuat tujuh atau sembilan hari sebelum majlis. Emas untuk *Thaali* yang dilebur akan diambil tiga hari sebelum majlis. *Thaali* akan disembahyangkan.


Sebagai persediaan sebelum dilangsungkan perkahwinan, beberapa kerja lagi perlu dilakukan. Antaranya ialah mendirikan *mukuurta kaal* pada hari dan masa yang baik. Tingginya kira-kira 2 - 3 meter. Mendirikan *mukuurta*

*kaal* menandakan upacara perkahwinan akan dilangsungkan pada hari tersebut.

Khemah perkahwinan turut akan didirikan. Khemah perkahwinan atau *paccai pantal* diertikan sebagai khemah perkahwinan hijau di halaman rumah. Hijau menandakan kesuburan dan kemakmuran.

Setelah semua persediaan dilakukan, maka upacara perkahwinan akan dilangsungkan.

Upacara dimulakan dengan pengantin lelaki dipimpin pengapitnya ke pentas perkahwinan. Pedanda akan memulakan upacara dengan bersembahyang. Cincin yang diperbuat daripada rumput *tarppai* dipakaikan kepada pengantin lelaki.




Pengantin perempuan akan dibawa masuk serta didudukkan di sebelah pengantin lelaki di pentas perkahwinan. Beberapa upacara lain akan dilakukan demi mendapatkan restu Tuhan.

Ibu bapa pengantin atau wakil mereka juga akan duduk di hadapan pentas perkahwinan. Kedua-dua pihak akan membuat penghormatan di antara satu sama lain dengan bertukar dulang berisi buah, sirih pinang, dan lain-lain.

Mereka turut menyapu debu suci pada dahi pengantin serta berdoa agar pengantin dipanjangkan usia serta hidup berbahagia. Ini bererti secara rasminya bapa pengantin sebelah pihak perempuan bersetuju membenarkan anak perempuannya berkahwin dengan pengantin lelaki.

Wanita mengandung dilarang memukul binatang



## Adat Kelahiran

Seperti kaum-kaum yang lain, kaum India memiliki adat tertentu khusus untuk golongan wanita sewaktu mengandung, melahirkan anak, dan peringkat selepas anak dilahirkan.

Misalnya pada bulan keenam atau kelapan kehamilan, satu upacara *cimantam* diadakan. Dalam upacara

ini, api yang dikenali sebagai api pengorbanan dinyalakan dan bahan bijirin serta minyak sapi dimasukkan ke dalam nyalaan api tersebut.

Ibu mengandung tersebut akan duduk mengarah ke timur dan suaminya akan menyikat belah tengah rambut isterinya. Rumput *tarppa-pul* dicelup

minyak dan disapukan ke kepala si ibu. Mantera dibaca dan serbuk kumkum disapu ke dahi oleh suaminya. Suami isteri ini akan mengelilingi api tiga kali mengikut arah jam. Ia bertujuan untuk memohon perlindungan ke atas anak dan ibu.

Satu lagi adat yang hampir sama ialah *valaikaappu*. Ia biasanya dibuat pada bulan ketujuh atau kesembilan di rumah ibu bapa atau mentua. Hadiah seperti barang kemas, sari, serbuk kumkum, kunyit dan buah-buahan, sirih, pinang, sikat, cermin, dan manisan diatur di dalam dulang berasingan.

Ibu tersebut dipakaikan gelang kaca dan sejenis lagi dari campuran lima jenis logam. Satu lagi dari emas yang akan dileburkan untuk perhiasan kepada anak yang bakal lahir semasa hari pemberian nama. Ibu itu kemudian dimandikan dengan dudu, air kunyit, air kelapa muda, air mawar, dan bunga-bunga.

Ibu itu kemudian dihias seperti pengantin dan dikalungkan bunga oleh suaminya. Lampu minyak dinyalakan tanda restu Tuhan. Ia juga diserikan dengan buyung *puurana kumbam* atau lampu minyak disediakan.

Beberapa jenis sajian seperti nasi minyak, nasi masam, nasi tairu, nasi manis, nasi susu, dan nasi limau disajikan. Ia perlu disediakan dalam bilangan ganjil berserta sambal seperti sambal pudina, sambal asam, sambal dal, dan sambal kacang hijau berserta kuih

tradisional seperti vadai, urudai, buah-buahan, dan bunga-bunga turut diedarkan.

Bahan tersebut diatur untuk upacara sembahyang dan dikendalikan oleh *cumanggali* mengikut giliran. Krim cendaan disapu ke pipi dan tangan, sementara kumkum diletakkan ke dahi si ibu. Gelang dipakaikan dan sajian tadi disuap sedikit ke mulut si ibu. Sebagai penghargaan, *cumanggali* diberikan sirih pinang, pisang, kunyit, bunga, dan beberapa urat gelang.

Upacara *aalatti* dimulakan dengan mencampurkan air kunyit dengan kapur sirih ke dalam dulang. Ia kemudian dipusingkan tiga kali mengikut arah jam. Salah seorang daripada *cumanggali* mencelupkan ibu jarinya ke dalam air *aalathi* dan diletakkan pada dahi ibu. Isi dulang itu kemudian dituang di muka pintu. Nasi tadi dibalut dengan daun pisang dan kain putih berasingan.

Ibu tersebut akan memilih salah satu bungkus dan jika dibuka adalah nasi manis, maka anak yang lahir mungkin perempuan. Orang India percaya jika ibu bangun dengan sokongan tangan kanan, mungkin dia mendapat anak perempuan.

Cara seterusnya ialah jika sewaktu suami membelah kelapa semasa sembahyang dan belahnya sama, dipercayai akan mendapat anak lelaki. Selepas itu, isteri dikalungkan bunga oleh suami untuk mendapatkan restu keluarga.

Seperti bangsa-bangsa lain, orang India juga percaya, perbuatan buruk seperti mengumpat dan bergaduh akan mempengaruhi perlakuan anak. Ibu mengandung dilarang membunuh, menyembelih, dan berlaku kejam terhadap binatang kerana takut diganggu oleh makhluk jahat.

Si ibu dilarang keluar bersendirian terutama pada waktu malam kerana ditakuti ditegur makhluk halus. Si ibu tidak dibenarkan mengunjungi rumah orang meninggal dan rumah pantang agar tidak mempengaruhi kandungan.

Tidur siang hari atau tidur berlebihan menyebabkan si ibu berasa lemah. Begitu juga berjaga hingga larut malam mengurangkan kecergasan.

Jika apa yang diidamkan tidak dipenuhi, maka kaki dan tangan si ibu akan bengkok dan anak lahir dengan telinga bernanah. Dilarang memakan beras kerana ditakuti menjejaskan kesihatan bayi. Betik muda dan nanas dikatakan boleh menyebabkan gugur dan makan pisang berlebihan boleh melemahkan badan.

Bekerja semasa gerhana bulan atau matahari menyebabkan anak akan cacat. Suami dilarang membantu dalam upacara pengebumian. Dia digalakkan pulang awal agar tidak diikuti oleh makhluk jahat.

Suami dilarang menyakiti hati isteri atau menebang pokok pisang. Suami digalakkan memperbanyakkan ibadat.



Suami wanita mengandung  
dilarang menebang pokok pisang

Setelah isteri hamil lebih enam bulan, suami tidak digalakkan ke luar negeri, berperang, membina rumah, mandi di sungai atau laut, serta bermalam di luar.

Terdapat juga beberapa amalan yang digalakkan untuk dilakukan.

Makanan elok dilebihkan sayur-sayuran dan dikurangkan daging atau ikan agar anak tidak bersikap liar. Susu lembu dan bunga safron dipercayai menjadi makanan yang baik untuk tujuan yang sama. Mandi awal digalakkan.

Waktu kelahiran atau bersalin adalah penting bagi menentukan mental dan fizikal anak serta bagi memberikan nama dan menilik nasib.

Mantera dibacakan di telinga bayi sebelum dipotong tali pusat. Uri ditanam bersama duit tembaga, kunyit, garam, dan pinang. Lidah bayi kemudiannya disapu madu yang dicampurkan minyak sapi.

Minyak sapi dikatakan membawa kecantikan, menghalang histeria, pening, demam, gila, sawan, dan meningkatkan daya ingatan. Madu dikatakan melembutkan lidah dan mematangkan bayi.



Menindik telinga dikatakan  
melawan gangguan sihir

## *Menindik Telinga*

Pada zaman dahulu, telinga ditindik untuk tujuan keselamatan. Mereka yang beragama Hindu diwajibkan menindik telinga bagi lelaki atau perempuan kerana menurut kepercayaan, manusia yang sempurna fizikalnya akan menjadi mangsa ilmu sihir.

Apabila telinga ditindik, maka mereka tidak lagi diganggu sihir

kerana dianggap cacat. Ia kemudian diwarisi turun-temurun.

Bagi orang India, seseorang perempuan tidak sepatutnya keluar rumah tanpa memakai sebarang barang kemas. Anak perempuan yang tidak memakai barang kemas dianggap membawa sial kepada keluarga. Telinga deria penting, justeru itu ia harus dihiasi.



Namun hakikat sebenarnya ialah anak perempuan yang tidak memakai barang kemas adalah mereka dari keluarga yang miskin. Jadi faktor kemiskinanlah yang dikatakan sial. Jadi biar miskin sekalipun, perempuan India perlu memakai sekurang-kurangnya subang yang halus.

Ada kepercayaan bahawa menindik telinga boleh memperbaiki daya fikiran dan mental. Dipercayai terdapat urat tertentu yang berpusat di bahagian copeng telinga. Subang lelaki (kadukkan) yang diperbuat daripada emas dikatakan membuatkan seseorang awet muda.

Ada juga yang sanggup memakan debu emas (emas yang didebukkan) bersama susu atau sirih pinang yang dipercayai membuatkan rupa lebih menarik dan warna kulit lebih cerah.

Anak perempuan ditindik telinga dan dipakaikan subang. Untuk memulakan adat, kanak-kanak tersebut dimandikan dan dihiasi. Kanak-kanak perempuan memakai skirt panjang sutera (*paavaadai*). Kiranya lelaki, maka dia akan memakai *jippa*. Acara ini biasanya dibuat di rumah atau di dewan dan kuil setelah ditentukan masa oleh almanak Hindu.

*Taai maaman*, abang atau adik lelaki dan ibunya akan membawa hantaran di dalam beberapa dulang mengandungi kumkum, cendana, kelapa, gula batu, kalungan bunga, dan subang.

Sekiranya pedanda dijemput, beliau akan mendirikan *puurana kumbam* (buyung sempurna) tanda kurniaan Tuhan untuk pemujaan Dewa Ganesha. Selepas sembahyang, kanak-kanak tersebut didudukkan di atas paha *taai maman*. Telinga ditindik dengan jarum emas yang disarungkan dengan subang. Semasa amalan ini, mantera dibaca. Upacara berakhir dengan pemberian manisan kepada tetamu.

Ada perselisihan pendapat mengenai jamuan iaitu ada yang mengatakan perlu berkenduri seekor kambing, sementara golongan agama pula berpendapat sewajarnya dihidangkan makanan sayur-sayuran. Bagi golongan yang berada, mereka memanjangkannya dengan sembahyang. Bagi yang kurang berada mungkin menindik sendiri menggunakan duri pokok limau.

Bagi orang India, *taai maman* mempunyai hak lebih dari bapa sendiri. Dia diberi keutamaan dalam upacara menindik, anak perempuan mencapai baligh, perkahwinan, dan lain-lain. Ia dianggap penjaga maruah dan kebajikan keluarga. Dia boleh berkahwin dengan anak perempuan tadi jika umurnya sesuai dan tidak boleh dihalang oleh keluarga tersebut. Namun ia kurang diamalkan sekarang.

Jika telinga yang ditindik berkudis, maka subang digantikan dengan lidi, batang bawang putih atau ranting pokok mambu yang dianggap mem-

bunuh kuman. Keadaan ini mungkin berlaku disebabkan kulit yang sensitif ataupun alah kepada logam seperti emas, perak, dan sebagainya.

Menurut kepercayaan, menindik telinga wajib bagi lelaki dan perempuan. Jika sepanjang hidupnya tidak pernah ditindik, maka sebelum mayat dikuburkan, dia akan ditindik menggunakan padi dengan harapan dirinya dilahirkan semula sebagai seorang Hindu juga.

Adat mencucuk hidung pula agak berbeza kerana diamalkan oleh kaum wanita sahaja untuk tujuan kesihatan dan kecantikan. Ia sering diamalkan oleh wanita yang berusia sekitar 40-an dan ada juga oleh anak-anak kecil dengan tujuan kecantikan.

Barang kemas yang dipakai di hidung dinamakan *muukkutti*. Dahulu, duri pokok limau digunakan dan dilakukan oleh rakan, ibu, atau nenek dan tidak dijadikan upacara adat. Tukang emas pula menggunakan jarum emas atau kuprum dan selalunya hidung kiri dicucuk kerana dipercayai menurut rupa Dewa Shiva yang dikenali sebagai *artanaareeswarar*.

Menurut pedanda, lubang hidung kanan lebih tinggi suhunya dan bagi mengimbangi suhu tersebut, maka *muukkutti* dipakai di sebelah kiri.

*Muukkutti* biasanya diperbuat daripada emas. Ia membawa kebaikan apabila udara hembusan menyentuh emas dan kebaikannya sama seperti

Bahagian telinga yang perlu ditindik



memakai subang. *Muukkutti* dibuat dalam beberapa bentuk seperti kuntum bunga halus, bertatahkan batu permata, intan, dan lain-lain.

Biasanya batu permata yang digunakan adalah jenis murah. Hanya sebutir intan kecil digunakan dan dikenali sebagai *orraik kal muukkutti* yang kerap dipakai oleh gadis. Orang tua lebih menggemari pemakaian pada kedua-dua belah hidung, tetapi amalan ini semakin pupus.

Tujuan memakainya adalah untuk kejelitaan dan bagi yang tua, ia merupakan warisan budaya yang harus dipelihara. Terdapat juga *muukkutti* yang boleh dilekatkan dan ada yang hanya perlu diselitkan pada telinga.

# GLOSARI

**Mencangkung** : Bertinggung dengan keadaan dua lutut dinaikkan manakala punggungnya tidak mencecah ke lantai. Contohnya, pendatang haram itu dikehendaki mencangkung beramai-ramai sebelum polis membuat pemeriksaan.

**Sumbing** : Serpihan pada bahagian tepi bagi pinggan atau mangkuk; cabik yang dalam pada bibir manusia dan lainnya.

**Kesantunan** : Menunjukkan seseorang yang bersopan, berbudi bahasa atau berbudi pekerti mulia. Sifat ini perlu dimiliki oleh semua orang yang tidak mahu dirinya dikeji.

**Merisik** : Mengirim orang tertentu untuk meninjau atau menyiasat anak gadis sebelum meminangnya. Merisik ini dilakukan juga dengan menanyakan sifat atau perangai si gadis pada jiran atau rakan-rakannya.

**Dulang** : Sejenis talam yang diperbuat daripada kayu dan kadangkala berkaki. Puteri Gunung Ledang pernah mengenakan syarat disediakan tujuh dulang hati nyamuk kepada sesiapa yang meminangnya.

**Diandamkan** : Mencantikkan pasangan pengantin dengan menyolek di bahagian muka, rambut, dan lain-lain anggota badan. Tukang mengandam terdiri daripada mereka yang pakar dalam bidang tersebut.

**Mayang pinang** : Bunga pinang yang masih berada di dalam seludangnya.

**Disyariatkan** : Sesuatu hukum agama yang diperintahkan oleh Tuhan. Syariat Islam merangkumi segala peraturan di dunia dan akhirat.

**Pengisytiharan** : Perbuatan memaklumkan kepada orang ramai akan sesuatu perkhabaran. Dalam dunia moden, sesuatu pengisytiharan kerajaan dibuat melalui media massa.

**Marhaban** : Melagukan puji-pujian untuk Nabi Muhammad s.a.w. Majlis marhaban banyak diadakan ketika menyambut perayaan Maulud Nabi.

**Diampu** : Menyokong dengan tapak tangan supaya tidak jatuh. Contohnya, kanak-kanak yang baru belajar berjalan diampu supaya tidak jatuh.

**Martabat** : Kedudukan seseorang yang tinggi pada pandangan masyarakat. Kedudukan ini sama ada meliputi pangkat, darjat atau sebagainya. Bagi masyarakat India, martabat dinilai mengikut kastanya.

**Penilikan** : Meramal sesuatu sama ada seseorang itu mendapat malang atau sebaliknya. Masyarakat Cina percaya sesuatu yang diketahui melalui tilikan boleh memberi kesan kepada kehidupan mereka.

**Badi** : Kelakuan luar biasa yang terjadi kepada seseorang semenjak dilahirkan. Contohnya seseorang itu menyerupai sesuatu jenis binatang seperti kera, anjing, dan sebagainya.

**Anasir** : Sesuatu unsur atau faktor. Selalunya dikaitkan dengan perkara-perkara yang tidak baik. Contohnya, anasir subversif selalu mengancam keselamatan negara.

**Colok** : Lidi yang disaluti campuran habuk kayu, tanah liat, dan lain-lain lagi. Lidi ini akan dibakar ketika menyembah tokong dan lain-lain oleh masyarakat Cina.

**Azimat** : Kertas yang mempunyai sakti. Ia dapat melindungi mereka yang memakainya. Bagi masyarakat Melayu, ia dikenali sebagai tangkal. Ia diperbuat daripada kulit kayu dan lain-lain lagi.

**Almanak** : Kalendar tahunan yang mengandungi senarai hari, bulan, dan catatan lain. Ia berkaitan terbit dan masuk matahari, peredaran bulan, pasang surut air, dan lain-lain.

**Mantera** : Ayat-ayat tertentu yang dibaca akan dapat menimbulkan kuasa ghaib. Kuasa ini boleh menyembuh penyakit dan lain-lain. Sebelum wujudnya hospital, mantera selalunya digunakan oleh bomoh untuk menyembuhkan penyakit.

**Histeria** : Sejenis penyakit urat saraf yang terjadi ketika seseorang itu tidak dapat mengawal emosinya. Kebanyakan penyakit ini selalu dihidapi oleh kalangan wanita.

Tindik : Membuat lubang pada copeng telinga supaya dapat memakai subang.

Kurniaan : Suatu anugerah. Contohnya seseorang itu perlulah bersyukur di atas apa yang telah dianugerah oleh-Nya.

Pedanda : Ketua agama atau pendita. Mereka tempat masyarakat merujuk segala masalah terutama berkaitan dengan agama.

# SOALAN

1. Kenapa pantang larang Melayu tidak membenarkan makan dalam pinggan sumbing?
2. Terangkan peringkat pertama upacara perkahwinan orang Melayu.
3. Terangkan tiga pantang larang yang terpaksa dipatuhi ketika ibu sedang mengandung.
4. Apakah yang dimaksudkan dengan "tahnik"?
5. Kenapakah masyarakat Cina melarang ibu mengandung memukul binatang?
6. Terangkan cara berpakaian apabila berlaku kematian bagi masyarakat Cina.
7. Apakah terjadi sekiranya ibu mengandung tidak dapat apa yang diidamkan menurut masyarakat India?
8. Kenapakah agama Hindu mewajibkan menindik telinga lelaki dan perempuan di kalangan masyarakat India?